

**PERKEMBANGAN DAN KEBEBASAN AKHBAR
DI BRUNEI DARUSSALAM**

HAJI YUSSOF BIN HAJI LADI



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI KEMANUSIAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**PERKEMBANGAN DAN KEBEBASAN AKHBAR
DI BRUNEI DARUSSALAM**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



HAJI YUSSOF BIN HAJI LADI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PERKEMBANGAN DAN KEBEBASAN AKHBAR DI BRUNEI DARUSSALAM**

IJAZAH: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Saya **HAJI YUSSOF BIN HAJI LADI**, Sesi pengajian 2003 - 2014, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


Disahkan oleh,


HAJI YUSSOF BIN HAJI LADI

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN


(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 10 Julai 2014


(Profesor Madya Dr. Andreas Totu)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 Julai 2014



Haji Yusso Bin Haji Ladi
PS03-003-010(A)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **HAJI YUSSOF BIN HAJI LADI**
NO. MATRIK : **PS03-003-010(A)**
TAJUK : **PERKEMBANGAN DAN KEBEBASAN AKHBAR DI
BRUNEI DARUSSALAM**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH
(KOMUNIKASI)**
TARIKH VIVA : **20 MAC 2014**

DIPERAKUKAN OLEH;

1. Penyelia

Profesor Madya Dr. Andreas Totu



Tandatangan

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long horizontal stroke at the end, is written over the large "UMS" watermark.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Pembuka kata dengan Bismillah. Doa dan syukur Alhamdulillah. Berkat dan dengan izin Allah SWT jua, maka penyelidikan ini selesai disudahkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ungkapkan kepada semua pihak yang telah sama-sama membantu menjayakan penyelidikan ini hingga ke penghujungnya.

Kini dan selamanya, saya amat berterima kasih kepada penyelia saya Profesor Madya Dr Andreas Totu yang sentiasa memberi bimbingan dan galakan kepada saya untuk menyudahkan penyelidikan ini, tanpa beliau, siapalah saya. Budi dan jasa beliau sekeluarga akan terus dikenang sepanjang masa. Tidak lupa kepada Dekan, Timbalan Dekan, para pensyarah dan kenalan di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah memberikan nasihat dan bimbingan semasa mengikuti pengajian dalam menjalankan penyelidikan. Ucapan terima kasih juga kepada para pegawai dan kakitangan di Pusat Pengajian Pascasiswazah yang telah memberikan khidmat bantuan dan layanan semasa berurusan di Pusat berkenaan.

Penghargaan dan penghormatan juga kepada Universiti Malaysia Sabah yang telah memberikan peluang kepada saya melanjutkan pengajian di sini. Juga kepada Universiti Brunei Darussalam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Arkib Negara Brunei Darussalam, agensi-agensi kerajaan dan swasta media dan orang-orang perseorangan yang telah memberikan kerjasama semasa penyelidikan ini dijalankan.

Amat berharga bagi diri saya, ialah ibu saya, Dayang Hajah Sara binti Bakar (Brunei Darussalam) dan ibu mertua saya Puan Syarifah Fatimah binti Syed Harun Al-Juned (Singapura) yang sentiasa sabar dengan iringan doa dan sokongan moral sepanjang pengajian, anakanda sentiasa doakan semoga panjang umur dan sihat walafiat. Juga kenangan bagi ibu angkat saya, Al Marhum Dayang Hajah Munggu binti Bakar. Buat kenangan juga kepada Al Marhum ayah saya, Haji Ladi bin Jaafar (Brunei Darussalam) dan bapa mertua saya Al Marhum Syed Yahya bin Syed Abdul Kadir (Singapura) semoga roh mereka semua dicucuri rahmat oleh Allah SWT jua. Kepada semua adik beradik dan para peiparan saya yang telah memberikan sokongan moral dan cukup pengertian sepanjang pengajian.

Setinggi penghargaan dan sekalung sanjungan teristimewa buat isteri tercinta, Dayang Nafisa binti Yahya yang syabar dengan penuh dedikasi dan iringan doa dalam memberikan sokongan moral dan pengorbanan penuh kasih sayang sehingga memberikan kekuatan kepada saya untuk meneruskan pengajian hingga ke penghujungnya. Buat anak-anak yang disayangi Asyraf, Adib, Mohamad Izzat,

Siti Adibah, Siti Anisah, Siti Amirah dan Siti Nawwar yang telah memberikan ilham dan semangat untuk terus berakademik. Semoga jejak dan langkah ayah akan diikuti bersama sehingga sampai ke puncak jaya mercu dunia akademik. Pencapaian dan kejayaan ini adalah milik bersama dan rasa syukur juga kita panjatkan bersama. Semoga mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT jua dunia akhirat.... Amin. Amin. Amin. Ya Rabbal Alamin.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menyusurgalur perkembangan suratkhbar dan perundangan media sejak tahun 1950an hingga tahun 2012 serta merumuskan status kebebasan akhbar di Brunei Darussalam menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif berdasarkan kaedah sejarah dan kaedah temu bual. Dalam tempoh enam dekad, dua belas buah suratkhbar terbit di Brunei Darussalam, lima daripadanya masih terbit dan beredar di pasaran sehingga masakini, manakala dua buah akhbar lagi masih terbit tetapi ditukar menjadi majalah akhbar dan akhbar harian *online*. Sementara lima buah akhbar telah terhenti penerbitannya dan tidak lagi berada di pasaran. Perkembangan suratkhbar di Brunei Darussalam dipengaruhi oleh persekitaran perundangan, pemilikan, sosio-ekonomi dan saiz pasaran media yang kecil. Kebebasan akhbar Brunei Darussalam dikategorikan tidak bebas bercirikan "sosio-centralist" seperti diutarakan oleh Ralph dan Lowenstein, 1974, yang termaktub dalam Tipologi Empat Teori Akhbar (1956) yang dipengaruhi oleh falsafah negara Melayu Islam Beraja dan persekitaran perundangan berlatarbelakangkan sosio-ekonomi-politik seperti diasaskan oleh Teori Pemisahan Kuasa yang diperkenalkan oleh Montesqueu (1680–1704). Di Brunei Darussalam, kuasa Eksekutif lebih dominan terhadap kuasa perundangan, kehakiman, akhbar dan rakyat menjadikannya tidak bebas berdasarkan perspektif integrasi dan pemisahan kuasa yang diutarakan oleh Mohd Safar Hasim (1996). Peranan akhbar hanyalah menyampaikan maklumat dan info berita semasa kepada orang ramai selaras dengan aspirasi dan pembangunan negara. Walaupun, sistem akhbar Brunei Darussalam tidak bebas, namun masih terdapat saluran alternatif bagi rakyat bersuara terutama melalui kemudahan media sosial, di samping melalui Bahagian Perhubungan Awam dan Unit Maklumbalas kementerian dan jabatan kerajaan, program interaksi pemimpin negara ke peringkat akar umbi bersama rakyat dalam menyalurkan aduan, pendapat, dan aspirasi mereka kepada kerajaan. Inisiatif kerajaan membenarkan penggunaan lesen televisyen satelit (1996), interaksi langsung Sultan Brunei bersama rakyat, peranan Majlis Mesyuarat Negara (1959), dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (1996) telah menjadi pentas bagi saluran perbahasan dan konsultatif mengenai isu-isu rakyat dan kenegaraan yang membuka ruang alternatif bersuara dan berpendapat di Brunei Darussalam. Cabaran media baru yang dialami oleh dunia masakini juga dihadapi di Brunei Darussalam, yang memberi lebih ruang kepada rakyat menerima dan menyampaikan maklumat dan suara mereka secara lebih terbuka merentasi sempadan kawalan perundangan media konvensional yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan. Sehubungan dengan ini, status kebebasan akhbar Brunei Darussalam yang dikategorikan tidak bebas berdasarkan perspektif Barat masih pula mempunyai unsur keterbukaan berasaskan kepada perspektif Asia dan ketimuran serta falsafah Negara Melayu Islam Beraja secara tersendiri dalam kes Brunei Darussalam.

ABSTRACT

DEVELOPMENT AND PRESS FREEDOM IN BRUNEI DARUSSALAM

This research is intended to highlight the press and the media law development since 1950s until 2012 and the status of press freedom in Brunei Darussalam using qualitative research approach based on historical and interview research methods. For the last six decades, twelve newspapers have been published in Brunei Darussalam, in which five of them are still exist and in circulation until today, meanwhile two other newspapers had changed into the magazine newspaper and daily online newspaper. Five others have ceased its publication and no longer in circulation. Newspapers development in Brunei Darussalam are influenced by legal environment, ownership, socio-economy-politic and small media market factors. Brunei Darussalam press freedom categorised as not free according to Ralph and Lowenstein "the socio-centralist" characteristics (1974) as cited under the typology of The Four Theory of the Press influenced by The Malay Muslim Monarchy national philosophy and by legal, socio-economic-political environments as contained in The Separation of Power Theory introduced by Montesqueu (1680-1704). In Brunei Darussalam, the power of executive is more dominant than legaslitive, judiciary, press and the subject that made it not free based on the separation of power and integration perspective cited by Mohd Safar Hasim (1996). Newspaper roles are limited to dissiminate information and current news information to the public in line with aspiration and national development. Although, press system in Brunei Darussalam not free, but there exist the alternative channel for the subject to voice out especially through social media, and the government Public Relation and Feedback Unit Division, the interaction of national leaders to the grass root level which enabled the subjects to channel their greivences, opinion and aspiration to the government. Government initiatives of permitting the subscription of satellite television licence (1996), direct interaction of the Sultan of Brunei with his subjects, the role of The Legislative Council (1959) and The Mukim and Village Consulative Councils (1996) have provided platform for channeling the debate and consultative on public and national issues which created the alternative channel for people expression of public opinion in Brunei Darussalam. The challenge of new media as faced by the world today has also put some challenge to Brunei Darussalam, which provide more for the peoples to receice and to convey information and voiced out their say more openly beyond the control of conventional media laws imposed by the government. In line with these, the status of Brunei Darussalam press freedom which categorized as not free based on Western perspective still have to a certain extent openness based on Asia and Eastern perspective which shaped by national philosophy of the Malay Muslim Monarchy by itself in the case of Brunei Darussalam.

KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
<i>ABSTRACT</i>	vii
KANDUNGAN	viii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Mediaskap Brunei Darussalam	1
1.3 Latar belakang Negara Brunei Darussalam	3
1.3.1 Perkembangan Kuasa Politik Brunei Darussalam	4
1.3.2 Perkembangan Penduduk Dan Saiz Kepembacaan Akhbar Di Brunei Darussalam	10
1.3.3 Perspektif Kuasa Pemerintahan Beraja Di Brunei Darussalam	13
1.3.4 Perspektif Kuasa Eksekutif Di Brunei Darussalam	19
1.3.5 Sistem Perundangan Dan Kehakiman Di Brunei Darussalam	23
1.3.6 Perlembagaan Bertulis Negara Brunei Darussalam 1959	26
1.3.7 Falsafah Negara Melayu Islam Beraja	26
1.4 Permasalahan Kajian	29
1.5 Objektif-Objektif Utama Kajian	32
1.6 Skop Kajian	32
1.7 Prinsip Umum Kebebasan	33
1.8 Prinsip Kebebasan Akhbar Dan Kebebasan Bersuara	34
1.9 Kesimpulan	37

BAB 2: SOROTAN LITERATUR	39
2.1 Pendahuluan	39
2.2 Perkembangan Akhbar Dunia Secara Ringkas	39
2.3 Penyelidikan Perkembangan Akhbar Dalam Dan Luar Negara	43
2.4 Konsepsualisasi Teori Kebebasan Akhbar	52
2.5 Kebebasan Akhbar Perspektif Eropah Dan Amerika Syarikat	61
2.6 Kebebasan Akhbar Perspektif Negara-Negara Sedang Membangun	66
2.7 Kebebasan Akhbar Perspektif Budaya, Pembangunan dan Pemodenan	68
2.8 Kebebasan Akhbar Perspektif Akhbar Bertanggungjawab	71
2.9 Kebebasan Akhbar Perspektif Kemunculan Media Baru	75
2.10 Kebebasan Akhbar Perspektif Kewartawanan Publik	77
2.11 Kebebasan Akhbar Perspektif Berita Objektif Dan Seimbang	78
2.12 Kebebasan Akhbar Perspektif Peranan Kerajaan	78
2.13 Pengukuran Status Kebebasan Akhbar	80
2.14 Kesimpulan	85
BAB 3 : KERANGKA TEORI	86
3.1 Pendahuluan	86
3.2 Pengkonsepan Teori Dan Sistem Akhbar	87
3.3 Pengenalan Dan Penggunaan Teori-Teori Kebebasan Akhbar	89
3.4 Kebebasan Media Berasaskan Empat Teori Akhbar (1956)	91
3.4.1 Teori Autoritarian	92
3.4.2 Teori Libertarian	93
3.4.3 Teori Tanggungjawab Sosial	94
3.4.4 Teori Komunis Soviet	95
3.5 Modifikasi Awal Terhadap Empat Teori Akhbar	96
3.6 Kebebasan Media Berasaskan Enam Teori Normatif	98
3.6.1 Teori Normatif Autoritarian	98
3.6.2 Teori Normatif Libertarian	98
3.6.3 Teori Normatif Komunis Soviet	99
3.6.4 Teori Normatif Tanggungjawab Sosial	99

3.6.5	Teori Normatif Media Pembangunan	100
3.6.6	Teori Normatif Media Penyertaan Demokratik	100
3.7	Kebebasan Media Berasaskan Rumusan Empat Model Teori Normatif	101
3.7.1	Model Liberal-Pluralis Atau Model Pasaran	102
3.7.2	Model Tanggungjawab Sosial Atau Model Kepentingan Publik	102
3.7.3	Model Profesional	102
3.7.4	Model Media Alternatif	103
3.8	Implikasi Kebebasan Media Dalam Teori Akhbar Normatif	103
3.9	Kepentingan Publik Terhadap Media Dan Kebebasan Akhbar	106
3.10	Percantuman Komunikasi Dan Kemunculan Media Baru	111
3.11	Teori Pemisahan Kuasa Montesquieu (1680-1704)	111
3.12	Teori Akhbar Dari Segi Perspektif Kuasa	114
3.13	Pendekatan Perspektif Integrasi Dan Pemisahan Kuasa	114
3.14	Kesimpulan	118
BAB 4	: METODOLOGI PENYELIDIKAN	119
4.1	Pendahuluan	119
4.2	Kaedah Penyelidikan Sejarah	120
4.3	Proses Perancangan Dan Pelaksanaan Kaedah Penyelidikan Sejarah	122
4.4	Kaedah Penyelidikan Temubual	127
4.5	Proses Perancangan Dan Pelaksanaan Kaedah Penyelidikan Temu Bual	130
4.6	Kesimpulan	137
BAB 5	: PERMULAAN PERKEMBANGAN AKHBAR DAN PERUNDANGAN MEDIA DI BRUNEI DARUSSALAM (1950-1958)	138
5.1	Pendahuluan	138
5.2	Penerbitan Akhbar Di Brunei Darussalam (PraTahun 1950an)	159

5.3	Permulaan Pengenalan Akta Mengawal Kebebasan Akhbar Di Brunei Darussalam (PraTahun 1950an)	141
5.3.1	Akta Undang-Undang Darurat (1933)	141
5.3.2	Akta Hasutan (1948)	142
5.3.3	Akta Persekutuan-Persekutuan (1948)	144
5.4	Permulaan Perkembangan Akhbar Dan Perundangan Media Di Brunei Darussalam(1950-1958)	145
5.4.1	Penerbitan Warta Kerajaan Brunei (1951)	145
5.4.2	Penerbitan Akhbar Salam (1952 – sekarang)	146
5.4.3	Penerbitan Akhbar The Borneo Bulletin (1953-sekarang)	148
5.4.4	Penerbitan Akhbar Pelita Brunei (1956 – Sekarang)	152
5.4.5	Penerbitan Akhbar Berita Brunei atau Berita Borneo (1957-1958)	156
5.4.6	Penerbitan Akhbar Malaysia (1958 – 1958)	157
5.4.7	Pengenalan Akta Telekomunikasi (1956)	158
5.4.8	Pengenalan PerkhidmatanSiaran Radio Brunei (1957-sekarang)	160
5.5	Pengaruh Persekitaran Terhadap Permulaan Perkembangan Akhbar Dan Perundangan Media Di Brunei Darussalam	170
5.6	Kesimpulan	179
BAB 6:	PERKEMBANGAN AKHBAR DAN PERUNDANGAN MEDIA DI BRUNEI DARUSSALAM SEBELUM MERDEKA (1959-1983)	181
6.1	Pendahuluan	181
6.2	Penerbitan Akhbar SuaraBakti (1961-1961)	182
6.3	Penerbitan Akhbar The Daily Star Atau Bintang Harian (1966-1971)	184
6.4	Pengenalan Akta Surat khabar Tempatan (1959)	186
6.5	Pengenalan Akta Penapisan Filem Dan Hiburan Awam (1962)	188
6.6	Pengenalan Akta Keselamatan Dalam Negeri (1982)	190
6.7	Pengenalan Akta Ketenteraman Awam (1983)	191
6.8	Pengenalan Perkhidmatan Televisyen Brunei (1975)	192

6.9	Pengaruh Persekitaran Terhadap Perkembangan Akhbar Dan Perundangan Media Di Brunei Darussalam	199
6.10	Kesimpulan	206
BAB 7:	PERKEMBANGAN AKHBAR DAN PERUNDANGAN MEDIA DI BRUNEI DARUSSALAM SELEPAS MERDEKA (1984-2012)	207
7.1	Pendahuluan	207
7.2	Penerbitan Akhbar Brunei Darussalam Newsletter (1985-sekarang)	208
7.3	Penerbitan Akhbar Brunei Darussalam Daily Digest (1990–sekarang)	211
7.4	Penerbitan Akhbar Media Permata (1994- sekarang)	212
7.5	Penerbitan Akhbar The News Express Atau Harian Ekspress (1999-2001)	213
7.6	Penerbitan Akhbar The Brunei Times (2006-sekarang)	215
7.7	Pengenalan Akta Penyiaran (1997)	218
7.8	Perkembangan Dan Halatuju Media Baru Di Brunei Darussalam	221
7.9	Pengaruh Persekitaran Terhadap Perkembangan Akhbar Dan Perundangan Media Di Brunei Darussalam	245
7.10	Kesimpulan	247
BAB 8:	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	248
8.1	Pendahuluan	248
8.2	Perbincangan Dan Rumusan Objektif Utama Kajian 1: Analisis Terhadap Perkembangan Akhbar Di Brunei Darussalam (1950-2012)	248
8.2.1	Analisis Permulaan Perkembangan Akhbar (1950-1958)	249
8.2.2	Analisis Perkembangan Akhbar Sebelum Merdeka (1959-1983)	249
8.2.3	Analisis Perkembangan Akhbar Selepas Merdeka (1984-2012)	257

8.3	Perbincangan Dan Rumusan Objektif Utama Kajian 2: Analisis Terhadap Perkembangan Perundangan Media Di Brunei Darussalam (1950-2012)	261
8.3.1	Analisis Perkembangan Perundangan Media (PraTahun 1950an)	261
8.3.2	Analisis Permulaan Perkembangan Perundangan Media (1950-1958)	262
8.3.3	Analisis Perkembangan Perundangan Media Sebelum Merdeka (1959-1983)	263
8.3.4	Analisis Perkembangan Perundangan Media Selepas Merdeka (1984-2012)	265
8.4	Perbincangan Dan Rumusan Objektif Utama Kajian 3: Analisis Terhadap Status Kebebasan Akhbar Di Brunei Darussalam	267
8.4.1	Status Kebebasan Akhbar Brunei Darussalam	267
8.4.2	Faktor Penentu Status Kebebasan Akhbar Di Brunei Darussalam	274
	a. Kuasa Pemerintahan Dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja	274
	b. Perlembagaan Bertulis Negara Brunei Darussalam 1959	276
	c. KesanPenaunganPolitik British Terhadap Brunei Darussalam	278
	d. Kawalan Perundangan Media Akhbar	280
	e. Pemilikan Media Akhbar (Kerajaan Dan Swasta)	283
	f. Dasar Kestabilan Politik Untuk Pembangunan Dan Pemodenan	285
8.5	Perbincangan Dan Rumusan Objektif Kajian 4: Analisis Saluran Alternatif Bersuara Bagi Rakyat Di Brunei Darussalam	287
8.6	Kesimpulan	299
	RUJUKAN	300
	LAMPIRAN	341

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian terhadap perkembangan media persuratkhabaran dan kebebasan akhbar di Brunei Darussalam masih baru dan banyak ruang yang boleh diteroka dalam penyelidikan. Dalam permulaan bab ini akan dihuraikan latarbelakang Negara Brunei Darussalam berdasarkan sejarah perkembangan dan perpektif kuasa politik pemerintahan beraja diadun dengan falsafah Negara Melayu Islam yang berpengaruh terhadap perkembangan dan status kebebasan akhbar di Brunei Darussalam. Sistem pemerintahan berasaskan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Tahun 1959 yang diadun dengan perkembangan sosio-ekonomi-politik yang berkembang secara bertahap dalam tempoh penyelidikan (1950-2012) adalah juga berpengaruh terhadap perkembangan dan kebebasan akhbar di Brunei Darussalam. Perkembangan penduduk Brunei Darussalam juga diketengahkan bagi menentukan jumlah dan corak saiz kepembacaan akhbar yang berpotensi menentukan hala tuju industri persuratkhabaran di Brunei Darussalam. Latarbelakang perkembangan akhbar dan perundangan akhbar yang wujud dalam tempoh enam dekad (1950 – 2012) merupakan komponen media yang akan diketengahkan dalam permasalahan kajian.

Secara umum, penyelidikan ini akan menggabungkan falsafah Negara Melayu Islam Beraja, perkembangan persuratkhabaran, perkembangan kawalan perundangan akhbar, status kebebasan akhbar dan dasar kerajaan serta saluran alternatif bersuara bagi rakyat Brunei Darussalam menjadikan satu komponen besar dalam mencorakkan perkembangan dan kebebasan akhbar di Brunei Darussalam.

1.2 Mediaskap Brunei Darussalam

Seperti kebanyakan negara di dunia, Negara Brunei Darussalam mempunyai landskap media yang meliputi media cetak, media penyiaran dan media baru

berasaskan internet dalam memenuhi keperluan rakyat dan negara berkomunikasi diperingkat individu, masyarakat, wilayah, nasional dan internasional.

Sejak tahun 1950an hingga masakini (2012), Brunei Darussalam pernah menerbitkan akhbar swasta dan kerajaan terdiri daripada akhbar Salam (1952-sekarang), The Borneo Bulletin (1953-sekarang), Pelita Brunei (1956-sekarang), Berita Brunei atau Berita Borneo (1957-1958), Malaysia (1958-1958), Suara Bakti (1961-1961), The Daily Star atau Bintang Harian (1966-1971), Brunei Darussalam Newsletter (1986-sekarang), Brunei Darussalam daily Digest (1990-sekarang), Media Permata (1994-sekarang), The News Express atau Harian Ekspres (1999-2001), The Brunei Times (2006-sekarang).

Pada masakini (2012) terdapat sembilan buah akta yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan Brunei untuk mengawal media di Brunei Darussalam, iaitu Akta undang-undang Darurat (1933), Akta Hasutan (1946), Akta Penerbitan Yang Tidak Diingini (1946), Akta Persekutuan-Persekutuan (1948), Akta Telekomunikasi (1956), Akta Suratkhbar Tempatan (1959), Akta Ketenteraman Awam (1982), Akta Keselamatan Dalam Negeri (1983), dan Akta Penyiaran (1997).

Kebanyakan media penyiaran di Brunei Darussalam pula didominasi oleh penyiaran milik kerajaan. Perkhidmatan siaran Radio Brunei bermula tahun 1957, dan sehingga kini (2012) telah berkembang kepada lima rangkaian utama, iaitu terdiri daripada Rangkaian Nasional, Rangkaian Pelangi, Rangkaian Harmoni, Rangkaian Nur Islam, dan Rangkaian Pilihan. Perkhidmatan Televisyen Brunei bermula pada tahun 1975, dan sehingga kini (2012) telah berkembang dengan memiliki lima saluran, iaitu terdiri daripada RTB 1: Menjana Aspirasi Nasional, RTB 2: Saluran Pendidikan Dan Hiburan, RTB 3: Saluran Definisi Tinggi, RTB 4: Warna dan Bunyi Brunei Darussalam, dan RTB 5: Saluran Islam. Fungsi Saluran 4 adalah digunakan untuk siaran antarabangsa yang boleh dikuti melalui siaran satelit AsiaSat2 parabola. Dalam masa yang sama, Brunei Darussalam melalui Pihak Berkuasa Informasi dan Teknologi (AITI) telah mengeluarkan kebenaran lesen kepada pengguna di negara ini untuk berlanggan bagi menerima siaran

perkhidmatan televisyen satelit (parabola) yang menawarkan sejumlah besar saluran daripada pelbagai perkhidmatan satelit dunia.

Dunia siber tempatan Brunei Darussalam pula dikendalikan oleh Telekom Brunei (*TELBRU*) dan didominasi oleh dua buah syarikat pembekal utama internet, iaitu Syarikat *Data Stream technology (DST)* dan Syarikat *B. Mobile Sdn Berhad (B-Mobile)*. Pengendalian dasar industri internet dibuat oleh Majlis Teknologi Informasi Brunei Darussalam (*Brunei Darussalam Information Technology Council - BIT Council*), sementara peraturan dan kawalan internet dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Bagi Industri Teknologi Infokomunikasi (*The Authority For Information and Communication Technology Industry -AITI*). Pihak kerajaan Brunei juga melancarkan inisiatif E-Kerajaan mulai tahun 2000 untuk pemodenan dan penggunaan industri teknologi informasi dalam sistem pentadbiran kerajaan Brunei untuk perkhidmatan yang lebih cekap dan selaras dengan keperluan pemberian perkhidmatan secara *on-line* kepada masyarakat.

1.3 Latarbelakang Negara Brunei Darussalam

Lokasi geografi Brunei terletak di Barat Daya Pulau Borneo, kira-kira 442 kilometer di utara Khatulistiwa. Keluasan Brunei Darussalam ialah 5,769 kilometer persegi, dan wilayahnya dibahagikan kepada empat daerah, iaitu Daerah Brunei Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong. Penduduk Brunei majoritinya terdiri daripada bangsa Melayu, diikuti dengan bangsa Cina dan sebahagian kecil bangsa-bangsa lain yang tinggal menetap di negara ini. Sistem pemerintahan negara adalah sistem pemerintahan beraja berperlembagaan berasaskan falsafah Negara Melayu Islam Beraja. Raja mempunyai kuasa eksekutif dinasihati oleh lima buah majlis mesyuarat negara, iaitu Majlis Ugama Islam, Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Majlis Mesyuarat Negara. Sistem perundangan dan kehakiman adalah berasaskan kepada sistem "The British Common Law", Undang-Undang Selat, sistem perundangan syariah Islam di samping adaptasi undang-undang negara lain yang relevan dengan keperluan Brunei. Sistem akhbar Brunei Darussalam masih muda bermula sekitar

tahun 1950an tapi berkembang pesat sepanjang tempoh enam dekad sehingga masakini.

1.3.1 Perkembangan Kuasa Politik Brunei Darussalam

Daripada penemuan arkeologi dan catatan sejarah menunjukkan Brunei sejak kurun ke 6 Masehi telah pun mengadakan perhubungan antarabangsa dengan beberapa buah negara khususnya China (*The State of Brunei Annual Report, 1958*). Hubungan politik antara Brunei dan negara China berlangsung dalam satu jangkawaktu yang panjang. Sepanjang perhubungan ini beberapa keterangan dan peristiwa penting berkenaan dengan Brunei telah dirakamkan oleh ahli-ahli sejarah China.

Catatan utusan dari Chan Ta Po Raja Po-lo atau Po-Li pada tahun 669 Masehi (Braddell, 1940) menunjukkan bahawa Brunei pada waktu itu telah pun mengamalkan sistem monarki. Brunei, di bawah sistem pemerintahan ini pada kurun ke 10 Masehi berkembang menjadi sebuah negara yang bertamaddun dan berkuasa. Kekuasaan dan tamaddun ini boleh dilihat melalui catatan zaman Dinasti Sung yang ditulis oleh Chau Ju-Kua seperti yang disertakan dalam **Lampiran 1A** (Hirth & Rockhill, 1940).

Catatan Chau Ju-Kua menyebutkan Brunei menguasai 14 buah daerah lain, kerana Brunei waktu itu mempunyai keadaan politik, ekonomi dan ketenteraan yang stabil. Kestabilan ini tidak pula mendorong Brunei untuk memutuskan perhubungan dengan China, kerana Brunei mungkin menyedari bahawa kemantapannya banyak bergantung kepada perdagangannya dengan China. Brunei meneruskan perhubungannya dengan China atas beberapa motif antaranya untuk kepentingan ekonomi. Dengan adanya hubungan ini, Brunei boleh memasarkan barangan mentahnya seperti kapur barus, lilin, kayu laka dan kulit penyu secara langsung ke negara China (Brown, 1970). Di samping itu, Brunei juga dapat melindungi diri dari ancaman negara-negara lain yang ingin menaklukinya terutama sekali Sulu dan Majapahit (Ongkili, 1972). Untuk beberapa waktu, polisi ini telah berjaya menyelamatkan Brunei dari cengkaman kedua-dua kuasa di atas sehinggalah ke pertengahan kurun ke 14. Pada kurun itu, Majapahit yang sedang

berada di puncak kegemilangannya, di bawah pemerintahan Hayam Wuruk telah menakluki Brunei. Fakta ini telah pun tercatat dalam syaer Negarakartagama dan Silsilah Raja-Raja Brunei (Sweeney, 1968). Penaklukan Majapahit keatas Brunei ini juga dirakamkan dalam riwayat China (Brown, 1970).

Penjajahan Majapahit telah mengubah keadaan politik dan sosial di negara Brunei. Jika pada kurun ke-10, Brunei menguasai 14 buah daerah sekitarnya, kini pada pertengahan abad ke 14 Brunei hanya merupakan sebuah negeri kecil yang seperti kata rajanya tidak layak untuk mendapat perhatian dari Maharaja China. Gambaran kemewahan raja dan rakyat pada abad ke-10 tidak lagi digambarkan dalam catatan abad ke-14. Che'en Chih ketika menceritakan pengalamannya di Brunei kepada Sung Lien (Brown, 1970) mengatakan bahawa rakyat Brunei waktu itu kebanyakannya adalah terdiri dari penangkap ikan (Brown, 1970). Hal ini sudah jauh berbeza dari apa yang dicatatkan Chau Ju-Kua pada abad ke-10, di mana rakyat kebanyakannya berkecimpung dalam bidang perniagaan. Penderitaan rakyat yang berpunca dari penaklukan Majapahit ini diburukkan lagi oleh serangan orang-orang Sulu. Serangan Sulu ini bagaimana pun telah dapat ditumpaskan oleh tentera Majapahit pada tahun 1368 (Yura Halim & Jamil Umar, 1958).

Penguasaan Majapahit ke atas Brunei berakhir apabila Kerajaan Majapahit merosot berikutan dari kematian rajanya Hayam Wuruk pada T.M. 1389 (Yura Halim & Jamil Umar, 1958). Kejatuhan Majapahit ini dicatatkan dalam Silsilah Raja-Raja Brunei sebagai titik mula berdirinya Kerajaan Brunei yang berdaulat dan merdeka. Setelah kejatuhan Negeri Majapahit, maka Brunei tidak lagi menghantar upeti melainkan Brunei beraja sendirinya dan berkuasa pada teluk rantanya (Sweeney, 1968).

Tarikh tepat kemerdekaan Brunei dari Majapahit ini tidaklah dapat dipastikan. Beberapa penyelidik berpendapat bahawa kejadian ini berlaku pada akhir kurun ke 14 (Ranjit Singh, 1984) atau di awal kurun ke 15 (Hughes-Hallett, 1940). Sama ada kemerdekaan ini dicapai pada akhir kurun ke 14 atau di awal kurun ke 15, ia tidaklah begitu jauh dari tarikh Kerajaan Melaka didirikan. Kemunculan Melaka sebagai kuasa terpenting dan terkuat abad ke 15 di Asia

Tenggara merupakan ancaman kepada kewujudan sebuah negara kecil yang baru merdeka seperti Brunei. Untuk memastikan kedudukan Brunei tidak terganggu, Awang Alak Betatar, raja Brunei pada waktu itu, mengadakan lawatan ke Melaka. Di sana baginda mengisytiharkan keislamannya dan seterusnya ditabalkan dan dimasyhurkan sebagai raja Brunei. Baginda menukar namanya dari Awang Alak Betatar kepada Sultan Muhammad. Adik baginda yang juga memeluk Islam dan digelar menjadi Pengiran Bendahara Seri Maharaja (Sweeney, 1968).

Agar keselamatan negara lebih terjamin, Sultan Muhammad telah melangsungkan perkahwinannya dengan Puteri Raja Melaka (Yura Halim & Jamil Umar, 1958). Perkahwinan ini bukan sahaja berjaya menyelamatkan Brunei dari kekuasaan Melaka tetapi telah dapat pula meluaskan sempadan Brunei, apabila Raja Melaka menyerahkan lima wilayah jajahannya, iaitu Kalaka, Saribas, Semarahan, Sarawak dan Mukah (Sweeney, 1968) yang terletak di Barat Daya Pulau Borneo kepada menantunya Raja Brunei. Sehingga kira-kira pada abad ke 16, Brunei telah berjaya menjadi salah sebuah negara yang berpengaruh dan berkuasa di rantau Asia Tenggara. Sultan Bolkiah, Raja Brunei yang ke lima dikatakan telah berjaya mengubah imej Brunei dari kesultanan kepada empayar. Sehubungan dengan ini Hallett (1940) mengungkapkan bahawa abad ke enam belas merupakan zaman keemasan bagi Brunei di mana kerajaannya mempunyai kawasan yang meliputi Sarawak dan British North Borneo seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran 1B** (Hallett, 1940).

Kegemilangan ini telah disaksikan sendiri oleh pendatang-pendatang Portugis dan Sepanyol pada kurun ke 16. Ludovico Varthema, seorang pengembara Itali yang datang ke Brunei pada T.M. 1505 mengatakan bahawa sistem keadilan dikendalikan dengan baiknya di negeri itu (Nicholl, 1975). Pengurusan keadilan yang baik menunjukkan wujudnya satu pentadbiran yang baik, jadi tidak hairanlah jika Brunei waktu itu berjaya meluaskan jajahannya. Catatan rombongan Magellan yang sampai ke Brunei pada tahun 1521 juga menunjukkan tamadun dan taraf hidup masyarakat yang tinggi (Nicholl, 1975) jika dibandingkan dengan kawasan sekitarnya.

Hubungan Brunei dan Portugis bermula dalam tahun 1514 (Nicholl, 1975). Dalam menghadapi Brunei, Portugis mengamalkan dasar terbaik-baik, setelah menyedari kedudukan Brunei sebagai sebuah negara yang kuat dan berkuasa (Brown, 1976 & Ranjit Singh, 1984). Portugis menganggap Brunei lebih sesuai untuk dijadikan tempat perdagangan daripada ditakluki (Brown, 1974), di samping kedudukan Brunei yang tidak begitu penting dalam hasrat mereka untuk memonopoli perdagangan Asia Tenggara. Bagi mereka, Brunei hanya tempat pertukaran barang dagangan dan pusat persinggahan mereka dalam pelayaran ke Maluku (Nicholl, 1975). Perjanjian persahabatan antara Brunei dan Portugis disahkan pada tahun 1526 Masehi (Nicholl, 1975). Hubungan ini berterusan sehinggalah Melaka jatuh ke tangan Belanda dan Portugis menukar haluan dagangnya ke Macau (Yura Halim & Jamil Umar, 1958).

Kehadiran orang-orang Sepanyol sesudah tahun 1521 (The State of Brunei Annual Report, 1965) pula diterima dengan sikap dingin. Perubahan sikap menghadapi kedatangan bangsa asing ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (i) Penaklukan yang dilakukan keatas beberapa wilayah jajahan Brunei di Filipina,
- (ii) Serangan Sepanyol ke atas kapal-kapal perang Brunei yang kembali dari peperangan dengan orang-orang Laoe pada tahun 1521 (Nicholl, 1975).
- (iii) Permintaan Sepanyol agar Brunei menghentikan penyebaran Islam di Kepulauan Sulu dan sebaliknya membenarkan misi Kristian menyebarkan agama mereka di Brunei (Brown, 1974).

Faktor yang ketiga ini jugalah yang menjadi punca meletusnya peperangan antara Brunei dan Sepanyol. Peperangan ini dikenali dengan nama "Perang Kastila" dan terjadi pada tahun 1578 Masehi. Dalam peperangan ini orang-orang Sepanyol telah dapat menguasai Brunei, tetapi tidak dapat bertahan lama kerana pada tahun 1579 orang-orang Brunei telah dapat merampas kembali negeri mereka dari tangan Sepanyol (Brown, 1970).

Kemorosotan Brunei dipercayai bermula di akhir kurun ke 16 (The State of Brunei Annual Report, 1965). Perebutan kuasa antara Sepanyol dan Brunei telah

memberikan peluang kepada Sulu untuk mencapai kemerdekaan sendiri (Brown, 1970). Kekacauan dalam negeri yang berpunca dari perebutan pucuk pimpinan juga menyebabkan Brunei kehilangan sebahagian besar dari wilayahnya (Brown, 1970). Kedatangan Belanda di barat laut Borneo dengan tujuan untuk mendapat hasil mentah kawasan tersebut akhirnya menyebabkan kekuasaan Brunei di sana jatuh ke tangan Belanda (Hallett, 1940).

Kemelesetan ekonomi dan ancaman dari kuasa-kuasa luar yang tidak terkawal akhirnya menyebabkan Brunei, pada abad ke 19 berusaha untuk mendapatkan perlindungan dari British demi kesinambungan politiknya. Hubungan Brunei dengan British secara tidak rasmi bermula dengan kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1839 Masehi (Mohamad Rakawi Yussof, 1932). Sarawak pada waktu itu berada dalam keadaan tegang kerana pemberontakan, akhirnya dapat ditenteramkan dengan bantuan James Brooke. Sebagai ganjaran atas bantuannya, James Brooke diisytiharkan menjadi "Raja Sarawak" pada tahun 1841 Masehi (Hallett, 1940). Pada tahun 1842, beliau dilantik menjadi wakil sultan Brunei untuk memerintah Sarawak (Maxwell & Gibson, 1924). Pada tahun 1846, James Brooke berjaya meletakkan seluruh Sarawak di bawah pemerintahannya, di mana beliau diberi kebebasan untuk memerintah dengan kemahuaannya tanpa campurtangan dari Sultan Brunei (Maxwell & Gibson, 1924). Dalam erti kata yang lain, Sarawak adalah sebuah negeri yang berkerajaan sendiri di bawah pemerintahan James Brooke.

Pada tahun 1847, satu perjanjian persahabatan dan kerjasama antara Brunei dan British ditandatangani (Maxwell & Gibson, 1924). Perjanjian tahun 1888 pula, secara rasminya telah meletakkan Brunei di bawah status baru sebagai "Negara Naungan British". Perjanjian ini telah memindahkan kekuasaan Brunei dalam mengendalikan urusan hal ehwal luar negerinya ke tangan British (Maxwell & Gibson, 1924). Walaupun tujuan asal Brunei memasuki perjanjian demi perjanjian dengan British ini ialah untuk menjamin kewujudannya sebagai sebuah negara (Ranjit Singh, 1984), British pada tahun-tahun pertama berkuasa di Brunei, telah tidak dapat memenuhi tuntutan ini.

Di bawah British, Brunei terus kehilangan beberapa wilayahnya, antaranya Limbang yang dirampas oleh Charles Brooke pada tahun Masehi 1890 (Ranjit Singh, 1984). Dan adalah satu hal yang mengejutkan Brunei apabila British mengiktiraf rampasan ini (Ranjit Singh, 1984), tanpa persetujuan Sultan. Protes Sultan di atas kehilangan Limbang menyebabkan British memberikan perhatian yang lebih ke atas urusan-urusan Brunei. Hal ini juga menyebabkan British mengenalkan sistem Residen di Brunei setelah Perjanjian Tahun 1905 dan 1906 ditandatangani di antara Kerajaan British dan Kerajaan Brunei (Maxwell & Gibson, 1924). Brunei terus berada di bawah naungan British sehinggalah negeri ini mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984.

Brunei menjadi negara naungan British dengan termaktubnya Perjanjian Protektorat pada 17 September 1888 seperti dalam **Lampiran 1C**. Walaupun menjadi negara naungan, kuasa sultan untuk mentadbir urusan hal ehwal dalam negeri masih terjamin. Jaminan ini terkandung dalam artikel 1, Perjanjian 1888 (Maxwell & Gibson, 1924). Campurtangan British hanya berkisar dalam urusan hal ehwal luar negeri Brunei untuk beberapa lama sehinggalah perjanjian tambahan tahun 1905 / 1906 dimeterai. Dalam perjanjian tersebut, Sultan Brunei bersetuju menerima khidmat seorang pegawai British yang digelar Residen (Maxwell & Gibson, 1924). Dengan bermulanya sistem ini, pihak British telah secara langsung mencampuri urusan-urusan hal ehwal dalam negeri Brunei. Artikel I, perjanjian tersebut menetapkan agar segala nasihat Residen diikuti dan dilaksanakan, kecuali perkara-perkara yang berkenaan dengan agama Islam. Dengan kata lain, kuasa Residen adalah menyeluruh dalam semua urusan melainkan perkara-perkara yang dikecualikan dalam artikel I perjanjian tambahan itu (Horton, 1984).

Di bawah pemerintahan Residen, sistem pentadbiran tradisi dirombak dan disusun semula mengikut sistem pemerintahan yang diamalkan di Britain (Zaini Haji Ahmad, 1984). Program pembangunan dijalankan secara sederhana kerana faktor kewangan yang terhad dan serba kekurangan. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Brunei terpaksa membuat pinjaman dari Negara-Negara Persekutuan Melayu. Bagaimana pun, masalah ini kemudiannya, dapat diatasi melalui hasil minyak Brunei (Brown, 1970). Antara masalah yang mula-mula ditangani oleh